

RISALAH MAKLUMAT UNTUK PESAKIT

SEDIAAN-SEDIAAN TELINGA UNTUK PENYINGKIRAN TAHI TELINGA

**Cerumol, Minyak Zaitun
Soluwax, Tropex
Waxsol**



MINISTRY OF HEALTH
SINGAPORE



SINGHEALTH / PIL / M98R0



MENGENAI **ubat anda**

Ubat-ubat ini digunakan untuk melembutkan tahi telinga. Ini akan memudahkan penyingkiran tahi telinga.

BAGAIMANAKAH **saya menggunakan ubat ini?**

- Cuci tangan anda dengan sabun dan air.
- Baring atau condongkan kepala anda ke tepi supaya telinga yang terlibat terhadap ke atas.
- Bagi orang dewasa, luruskan saluran telinga dengan menarik cuping telinga ke atas dan terhadap ke belakang (Bagi kanak-kanak, tarik ke bawah dan terhadap ke belakang).
- Titiskan jumlah titisan ubat yang dipreskripsikan ke dalam telinga. Pastikan penitis ubat tidak tersentuh telinga atau sebarang permukaan yang lain.
- Biarkan telinga yang terlibat terhadap ke atas selama 5 hingga 10 minit.
- Buangkan tahi telinga dengan kudup kapas.

Apakah **KESAN-KESAN SAMPINGAN ubat ini?**

Sesetengah orang mungkin mengalami sensasi kesemutan hangat ketika titisan pertama dimasukkan ke dalam telinga.

Apakah **TINDAKAN BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?**

Beritahu doktor jika:

- anda mempunyai tindakan alahan terhadap sebarang ubat lain, atau jika berlakunya alahan semasa menggunakan ubat ini. Simptom-simptom alahan termasuk salah satu atau lebih daripada satu yang berikut: kebengkakan muka/mata/bibir mulut, susah bernafas atau ruam kegatalan kulit yang merebak.
- masalah tahi telinga masih berlarutan selepas 3 hari.

Bagaimanakah **patut saya SIMPAN ubat ini?**

Simpan ubat di tempat yang kering pada suhu bilik, jauh dari haba dan cahaya matahari. Jangan simpan ubat di dalam peti sejuk kecuali diarahi untuk berbuat demikian.

*Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak
Buang semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau sudah tidak diperlukan lagi*

